

**MAKLUMAT-MAKLUMAT PENTING  
PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN  
KEBANGSAAN (NPQEL)**

---

**1. Syarat-Syarat Permohonan dan Saringan Kelayakan Permohonan**

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang ingin membuat permohonan perlu **memenuhi semua syarat** yang ditetapkan (**Lampiran B**) dan akan melalui **saringan kelayakan** yang dijana oleh sistem sebelum permohonan diproses. Saringan kelayakan akan mengambil kira **pengalaman perkhidmatan sebagai PPP (30%), pengalaman pentadbiran (30%), jawatan pentadbiran semasa (30%)** dan markah Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (**PBPPP**) tiga (3) tahun terakhir (10%). Permohonan yang **tidak melepasi peratus wajar yang ditetapkan tidak akan diproses**.

**2. Tindakan Awal Sebelum Permohonan**

Pemohon bertanggungjawab memastikan data di dalam **Sistem ePangkat, eOperasi dan ePrestasi adalah data yang terkini dan telah dikemaskini sepenuhnya** oleh jabatan masing-masing sebelum permohonan dilaksanakan. Sekiranya didapati calon yang berjaya dipilih sebagai peserta Program NPQEL **memanipulasi data permohonan dan melanggar mana-mana syarat kemasukan** yang telah ditetapkan akan **ditamatkan serta merta** daripada mengikuti program dan **hanya layak untuk memohon semula selepas tempoh tiga (3) tahun**.

**3. Sistem Modul Penggantian Pemimpin Sekolah (MPPS)**

Permohonan adalah secara dalam talian melalui sistem Modul Penggantian Pemimpin Sekolah (MPPS), <http://tls.moe.gov.my>. Pemohon perlu mengakses sistem ini dengan menggunakan **ID Pengguna (Nombor kad pengenalan)** dan **Kata Laluan (sama seperti kata laluan sistem ePangkat)**. **Manual pengguna** untuk membuat permohonan boleh dimuat turun melalui sistem ini.

**4. Gambar Berukuran Pasport**

Pemohon dikehendaki **memuat naik gambar** berukuran pasport semasa permohonan dilaksanakan. Gambar mestilah **rasmi dan berlatar belakang warna biru** serta memenuhi spesifikasi yang ditetapkan iaitu **Format JPEG atau PNG** sahaja dan kapasiti maksimum **satu (1) megabait (MB)**.

**5. Borang Pemeriksaan Perubatan**

Pemohon perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan melepasi tahap kesihatan yang memuaskan dengan pengesahan daripada **Pengamal Perubatan Berdaftar** sama ada pegawai Kerajaan atau Swasta. Borang Pemeriksaan Perubatan (**Lampiran B, Pin. 2/2013**) boleh dimuat turun daripada sistem MPPS dan **perlu dimuat naik setelah dilengkapkan**.

Tindakan memuat naik borang pemeriksaan perubahan yang **tidak lengkap** akan menyebabkan permohonan **tidak diproses**.

#### 6. **Proses Setuju Terima Tawaran**

Calon yang berjaya dipilih sebagai peserta Program NPQEL perlu menyelesaikan proses setuju terima tawaran **dalam tempoh yang ditetapkan** melalui sistem Modul Penggantian Pemimpin Sekolah (MPPS), <https://tls.moe.gov.my>. Calon dianggap sebagai tidak berminat untuk mengikuti program sekiranya tidak menyatakan sebarang maklum balas sepanjang tempoh berkenaan. Calon yang tidak mengemukakan maklum balas atau menolak tawaran hanya **dibenarkan memohon semula selepas tiga (3) tahun**.

#### 7. **Rayuan Penangguhan**

Calon yang berjaya dipilih untuk Program NPQEL tetapi ingin membuat penangguhan setelah mendaftar atas **sebab-sebab yang munasabah** perlu mengemukakan **surat rasmi rayuan penangguhan kepada Pengarah IAB selaku Pengerusi Lembaga Pengajian IAB**. Hanya calon yang telah mendapat kelulusan khas sahaja dibenarkan menangguhkan program.

Peserta yang menangguh pengajian **tanpa kelulusan** daripada Lembaga Pengajian IAB, **tidak dibenarkan untuk memohon semula bagi tempoh tiga (3) tahun**. Rayuan hanya akan diproses oleh IAB setelah calon mendaftar secara dalam talian. Penangguhan program hanya boleh dibenarkan **satu (1) kali sahaja** sepanjang tempoh program dan pengajian hendaklah disambung pada **ambilan berikutnya** serta tertakluk kepada **kelulusan** Lembaga Pengajian IAB.

#### 8. **Penarikan Diri dan Gagal Menamatkan Kursus**

Peserta yang telah menerima tawaran dan memulakan pengajian dalam Program NPQEL **tidak dibenarkan menarik diri** daripada program tersebut. Peserta yang menarik diri atau yang sedang mengikuti kursus tetapi **gagal menamatkan kursus kerana alasan yang tidak munasabah** hanya boleh memohon semula untuk mengikut program NPQEL **selepas tempoh tiga (3) tahun**.

#### 9. **Penamatan Kursus**

Peserta yang didapati **melanggar mana-mana syarat kemasukan atau pengajian** yang telah ditetapkan akan ditamatkan serta merta daripada mengikuti program dan hanya layak untuk memohon semula **selepas tempoh tiga (3) tahun**.

#### 10. **Larangan Berkursus dan Cuti Rehat**

Peserta yang telah menerima tawaran dan memulakan pengajian dalam program NPQEL **tidak dibenarkan menjalani mana-mana kursus dan bercuti** sepanjang tempoh pengajian yang menyebabkan kehadiran **kurang 90 peratus (%)** bagi setiap fasa. Peserta yang **gagal mematuhi peraturan**

ini atas alasan yang tidak munasabah, hanya boleh memohon semula untuk mengikut program NPQEL **selepas tempoh tiga (3) tahun pengajian**.

**11. Penganugerahan Sijil Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) dan Diploma Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan**

Setiap peserta yang layak akan dianugerahkan Sijil NPQEL dan Diploma Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan setelah memenuhi syarat-syarat berikut:

- 11.1 Penglibatan **secara aktif** sepanjang kursus;
- 11.2 **Tidak terlibat dengan kes disiplin;**
- 11.3 **Mencapai semua tahap kompetensi** yang ditetapkan;
- 11.4 **Diperakukan oleh Lembaga Pengajian IAB.** Keputusan Lembaga Pengajian IAB adalah muktamad;
- 11.5 Peserta wajib **lulus e-NPQEL** dengan memperoleh **empat (4) lencana;** dan
- 11.6 Peserta wajib **menyempurnakan semua tugas** yang diberi.

**12. Pemilihan dan Penempatan Sebagai Pengetua atau Guru Besar (PGB)**

Urusan pemilihan dan penempatan sebagai PGB adalah di bawah **bidang kuasa Bahagian/ Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/ Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (JPWP) dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)**. Proses dan jangkamasa pemilihan dan penempatan tersebut adalah berdasarkan kepada keperluan pengisian PGB di Bahagian/ JPN/ JPWP masing-masing berpandukan prosedur yang telah ditetapkan.

**13. Sebarang pertanyaan mengenai permohonan boleh diajukan kepada urus setia Program NPQEL berikut atau sila imbas kod QR di bawah:**

i) **Encik Mazli Hasril bin Hasarudin**  
**06-7979 373**  
**mazlihasril@iab.moe.gov.my.**

ii) **Tuan Haji Suhazanzer bin Suboh**  
**06-7979 374**  
**suhazanzer@iab.moe.gov.my**

iii) **Encik Azwan bin Wamin**  
**06-7979 341**  
**azwan\_s@iab.moe.gov.my**

iv) **Puan Nurmasnijam binti Jamaludin**  
**06-7979 396**  
**masnijam@iab.moe.gov.my**

Soalan Lazim



Pertanyaan (Google Form)

